

AMALAN KECEMERLANGAN DI KOLEJ TUNKU KURSHIAH

CHE KAMALIAH BT. ENDUD

Pengetua

Kolej Tunku Kurshiah

Seremban, Negeri Sembilan

ABSTRAK

Dalam memimpin Kolej Tunku Kurshiah (KTK), banyak perkara yang harus dipertimbangkan. Tradisi, etos, budaya dan sejarah yang mendasari matlamat penubuhannya perlu dikekalkan. Tuntutan dan keperluan pendidikan semasa pula perlu diseimbangkan dengan mencipta kelainan dan kepelbagaian dalam corak pengurusan. Dasar pengurusan sekolah adalah mengaitkan setiap aktiviti sekolah dengan pembangunan diri pelajar dari aspek akademik, hal ehwal murid dan kokurikulum selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang secara jelas menyatakan "... untuk membangunkan potensi setiap modal insan secara berkualiti, menyeluruh dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek". Kolej Tunku Kurshiah mempercayai kualiti diri seseorang itu adalah berkadaran terus dengan komitmen mereka terhadap kecemerlangan. Kecemerlangan memupuk sikap, dan sikap menentukan kecemerlangan. Oleh itu, amalan memupuk sikap yang sentiasa ingin menjadi yang terbaik merupakan salah satu fokus di KTK bagi memastikan kecemerlangan sebagai tradisi sekolah dapat dipertahankan. Slogan seperti 'When we go to compete, we come back as champions!' menjadi penyuntik semangat dalam setiap pertandingan. Kecemerlangan di KTK dirancang secara berperingkat, berterusan dan bersistematik. Trofi adalah untuk kemenangan individu, tetapi keunggulan adalah untuk kemenangan pasukan. Keunggulan hanya terbina apabila setiap individu dalam pasukan mempunyai ikatan yang kukuh. Di KTK terdapatnya kesefahaman tentang keunggulan dan amalan kerja berperancangan yang terselaras dalam kalangan pihak pengurusan dan guru-gurunya. Justeru, tanggungan tugas harian dan tugas tambahan dapat diagihkan tanpa menjejaskan kualiti atau membebankan. Taklimat guru mingguan selama 1-1½ jam menjadi ruang perkongsian maklumat terkini tentang perkembangan sekolah dan untuk tindakan bagi yang terlibat. Oleh itu, lebih masa diperuntukkan untuk melaksanakan kerja dan perancangan sekolah agar sentiasa mengikut takwim dan tiada yang tertunda atau terabai. Pasukan yang longgar ikatan kerja tidak mampu membina atau mencapai matlamat institusi. Kolej Tunku Kurshiah mengutarakan visinya untuk menjadi 'Institusi Bertaraf Dunia Beridentiti Malaysia'. Oleh itu setiap gerak kerja dan program sekolah disalur, dilaksana dan diseimbangkan

bagi merealisasikan misi sekolah iaitu 'Melahirkan Insan Total Yang Menjadi Pemimpin Dan Pemain Global Beridentiti Malaysia'. Justeru, pembangunan modal insan ini diterima sebagai tanggungjawab bersama semua rakan sekerja yang perlu dilaksanakan oleh setiap guru yang mengurus dan mengendalikan pelajar bagi apa jua bentuk aktiviti. Di KTK, kami sentiasa mencari dan mencipta peluang untuk memastikan setiap pelajar dapat dibangunkan secara lengkap melalui aktiviti sekolah demi mengelakkan keciciran. Setiap pelajar KTK harus mempunyai kemahiran minimum seperti: Khatam Al-Quran sebelum tingkatan tiga, sekurang-kurangnya sekali penglibatan peringkat antarabangsa, mewakili sekolah sekurang-kurangnya sekali hingga ke peringkat negeri, mempunyai pengalaman mengetuai dan mengurus satu aktiviti sekolah dan mendapat sekurang-kurangnya satu sijil aktiviti akademik atau kokurikulum di peringkat kebangsaan sebelum tamat tingkatan lima. Sebagai sebuah institusi yang pernah diiktiraf sebagai Sekolah Kluster, pengukuhan kebitaraan KTK dilaksanakan secara tidak langsung dalam semua aktiviti sekolah. Kebitaraan dan amalan 'R&D' menggunakan ICT diperkukuhkan dalam bentuk gerakerja dan kerja rumah yang ditugaskan melalui aktiviti mata pelajaran. Kebitaraan 'multilingualism' diamalkan setiap hari semasa perhimpunan pagi dan melalui drama. Setiap pelajar dipastikan 'disentuh' dan bakat kepimpinannya dicungkil dalam tempoh lima tahun mereka berada di KTK. Kemenjadian pelajar KTK dibentuk berdasarkan tradisi dan etos melalui pengalaman yang disediakan.

PENGENALAN

Visi:

Institusi Bertaraf Dunia Beridentiti Malaysia

Misi:

Melahirkan Pemain dan Pemimpin Global Beridentiti Malaysia

Kepimpinan merupakan landasan utama dalam menentukan hala tuju sesebuah organisasi. Seperti yang pernah dikatakan oleh Hallinger: ***'There is never a good school with a bad principal, and there is never a bad school with a good principal'***. Saya pernah melihat sesebuah institusi yang baik jatuh dengan kehadiran seorang pemimpin baru dan saya juga pernah melihat bagaimana sebuah institusi yang teruk dibangunkan oleh seseorang pemimpin yang baik.

Kolej Tunku Kurshiah (KTK) merupakan sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang kedua ditubuhkan. Pada dasarnya penubuhan KTK adalah untuk menempatkan pelajar-pelajar perempuan Melayu yang kurang berpeluang untuk mendapat pendidikan yang sempurna. Pada masa itu, pendidikan merupakan kunci utama untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat dan membebaskan mereka dari belenggu kemiskinan. Pada masa yang sama, program pendidikan yang dilaksanakan, disempurnakan untuk membangunkan potensi individu untuk menjadi pemimpin wanita pada masa akan datang. Sehingga hari ini, kepimpinan merupakan salah satu fokus utama KTK, dan kepemimpinan dalam mengurus dan mengendalikan institusi ini membantu dalam menentukan keunggulan institusi ini.

Tiga aspek utama pembangunan modal insan yang perlu dibugarkan dalam diri setiap pelajar melalui sistem pendidikan adalah: akademik, sahsiah dan kerohanian, dan kokurikulum. Berpaksikan dasar inilah, setiap sekolah dibekalkan dengan tiga penolong kanan: Penolong Kanan Akademik dan Pentadbiran (PKA) kini disebut Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) dan Penolong Kanan Kokurikulum (PK Koku). Sayugia, pelaksanaan aktiviti dan pengurusan ketiga-tiga bidang ini perlu diseimbang dan dijalinan agar dapat membangunkan potensi pelajar secara menyeluruh, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

AMALAN KECEMERLANGAN PENGURUSAN

Setiap sekolah mempunyai tradisi dan budaya kerjanya yang tersendiri, yang menjadi amalan dalam pelaksanaan aktiviti harian. Rutin dan budaya kerja yang 'biasa' kadangkala membebankan dan melambatkan pengurusan. Pengurusan sekolah hari ini perlu *'mobile'* dan peka kepada tuntutan pelanggan semasa. Sekolah tidak boleh lagi ortodoks dalam melaksanakan urusan harian, namun tidak boleh juga terlalu mudah dilencongkan oleh tekanan perubahan sehingga melunturkan identiti asal sendiri.

Mengubah budaya kerja yang telah lama menjadi norma kepada warga sekolah merupakan satu perkara yang amat sukar, dan adakalanya amat berbahaya jika ianya dilakukan secara drastik dan tanpa perancangan yang rapi. Dalam membuat perubahan, yang paling penting adalah bagaimana mengurus dan memaksimumkan peluang yang ada pada setiap aktiviti dan rutin sekolah, bagi menjamin perubahan dan impak yang disasarkan. Cara yang terbaik ialah peneraju sekolah dapat membuat perubahan tanpa disedari oleh mereka yang berada di dalam bahtera pengurusan.

Perubahan haruslah mengambil kira matlamat dan objektif yang jelas, kesesuaian masa untuk memula dan mengimplementasi, kekuatan, kekangan dan kesediaan sumber yang akan melaksanakan perubahan, dan kaedah pemantauan untuk memastikan keberkesanan dan impak yang diinginkan. Perubahan tidak seharusnya dibuat dengan membawa sesuatu yang baru atau terlalu asing kepada warga sekolah. Perubahan secara dalaman adalah lebih mudah dikendali dan dikawal. Oleh itu, visi, konsep, matlamat, objektif, kaedah, proses dan piawai perubahan, perlu diperjelaskan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya guru-guru dan kakitangan, dan diwar-warkan kepada pelajar, agar semua pihak dapat bergerak sederap menuju hala yang sama.

Anjakan Paradigma Budaya Kerja Sekolah

Dalam pengurusan asas sekolah, kadang kala terdapat beberapa rutin yang kurang menyumbang atau membantu dalam melancarkan pengurusan di sekolah. Oleh itu beberapa perubahan kecil pada dasar pengurusan di peringkat dalaman dibuat untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran sekolah. Beberapa contoh adalah:

- Taklimat satu jam pengetua pada setiap petang Rabu, di mana semua guru perlu hadir untuk mendapat maklumat terkini daripada pihak pengurusan dan dari rakan sejawatan yang lain. Sekiranya guru tidak hadir, adalah menjadi tanggungjawab guru berkenaan untuk mendapatkan maklumat tersebut sendiri. KTK telah mengenyahkan mesyuarat guru yang panjang bagi mengurangkan masa mendengar, tetapi melebihi banyak masa bertindak.
- Dasar pembangunan pelajar secara menyeluruh melalui semua aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan dengan mengambil kira pembangunan aspek akademik dan sahsiah.
- Perancangan rapi dan perincian dilaksanakan sebulan lebih awal untuk mengelakkan cerutan masa ('bottle-neck').
- Meningkatkan keterbukaan pengetua untuk menerima cadangan dan cadangan daripada pelbagai pihak: guru, kakitangan dan pelajar.
- Mempermudahkan pengurusan dan perhubungan kerja dengan pengetua secara lisan atau melalui e-mail bagi menjimatkan masa dan bahan.

Peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Penglibatan Ahli

PIBG merupakan penyokong paling kuat terhadap kecemerlangan di KTK, sama ada dari segi akademik, kokurikulum mahupun aktiviti hal ehwal murid. PIBG merupakan jambatan yang menghubungkan dan menjadi pemudahcara antara sekolah dengan ibu bapa. Hubungan akrab antara sekolah dan PIBG menstabilkan iklim pengurusan sekolah. Yang Dipertua PIBG KTK adalah antara yang paling aktif dalam menyokong sekolah. Kehadiran beliau dalam hampir semua aktiviti penting dan yang melibatkan pelajar, memberi impak yang amat besar dalam meyakinkan pelajar bahawa *'everything is under control'*.

Penglibatan ibu bapa secara sukarela dalam mengendalikan kelas-kelas tuisyen secara percuma dan membantu sekolah menangani musibah, membawa mesej bahawa sekolah memerlukan bantuan dan bukan gangguan daripada PIBG. Peruntukan PIBG untuk kelas-kelas tambahan, bahan-bahan pembelajaran dan pembangunan akademik dan kokurikulum adalah agak besar. Ahli Jawatankuasa PIBG berkerja keras untuk mengumpul dana dalam pelbagai cara bagi memastikan aktiviti pembangunan modal insan di KTK dapat dinikmati oleh seramai mungkin pelajar. Hal ini memudahkan sekolah membuat perancangan dengan sempurna dan selesai, dan dapat meluaskan peluang terutama kepada pelajar yang kurang berkemampuan.

'Old Girls' Association (OGA) dan Etos

Hari OGA adalah satu kekuatan KTK yang amat mementingkan pemantapan etos kolej. Sambutan Hari OGA ditetapkan pada setiap **1 Mei** setiap tahun. Pada hari tersebut, aktiviti-aktiviti bersama antara ahli alumni dengan pelajar, dikelolakan oleh bekas pelajar sendiri, dengan kos pengelolaan aktiviti ditanggung oleh alumni sepenuhnya. Perhubungan yang rapat antara kolej dan alumni inilah yang meneruskan kesinambungan budaya dan pemacuan etos KTK. Pada masa yang sama, alumni berpeluang mendapat kefahaman tentang perubahan dalam kaedah pengurusan pendidikan, keperluan pendidikan dan cabaran terkini pada pelajar. Apabila sirih pulang ke gagangnya, ikan pulang ke lubuknya, sudah pastilah sentuhan kekeluargaan itu akan menjadi begitu bermakna. Di KTK, alumni adalah rakan dan teladan, yang menjadi pasak kepada pembentukan jati diri pelajar untuk menjadi puteri KTK yang sejati.

AMALAN KECEMERLANGAN AKADEMIK

Fungsi utama mana-mana sekolah adalah mendidik anak murid dengan membekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk membangunkan diri sendiri, agama, bangsa dan negara. Maka, pepatah ***'kalau guru kencing berdiri, murid kencing berlari'***, bermaksud jika seseorang guru tersilap langkah dalam mendidik, maka anak didiknya akan lebih jauh terpesong, dan kerugian yang lebih ketara adalah kepada bangsa dan negara. Oleh itu, terdapat beberapa 'undang-undang' asas dalam pembangunan akademik di KTK.

maklumat dan berkomunikasi dengan berkesan dengan mereka yang dipimpin. Justeru, pelajar KTK diberi peluang dan terbiasa dengan berucap di khalayak ramai.

Bagi Tingkatan Tiga pula, kursus '*Team Building*' diadakan untuk semua pelajar bagi mengerat dan menambahkan kejelekitan dalam kalangan pemimpin, supaya mereka mendapat pengalaman dan idea tentang perlunya kesepakatan dalam kalangan pemimpin. Kursus '*Team Building*' ini juga menyedarkan pelajar bahawa percanggahan dalam kalangan pemimpin boleh meruntuh dan menghakiskan keunggulan sesebuah institusi. Konsep 'Bersatu Teguh, Bercerai Roboh' adalah diutamakan.

Tingkatan Empat adalah '*platform*' untuk pelajar menguji kemampuan diri sebagai pemimpin muda. Konsep latihan kepimpinan di Tingkatan Empat adalah '*Leadership In Practice*'. Secara rasmi dan terancang, organisasi dan pelaksanaan kepemimpinan diperkenalkan dan diberi peluang kepada semua pelajar Tingkatan Empat. Di peringkat inilah cabaran paling hebat dirasakan oleh guru-guru, kerana bakat yang sebelum ini hanya menguntum, kini mula mekar dengan idea dan tenaga yang membuak-buak, yang harus dikawal agar sentuhan mereka sentiasa menjadi penyumbang kepada kecemerlangan sekolah dan bukan sebaliknya. Oleh itu, kawalan dalaman dan kerohanian memainkan peranan besar terhadap '*self actualization*' dalam diri pelajar. Peringkat amalan kepimpinan di sekolah dan di asrama inilah yang sentiasa dipantau dan diperhati agar tiada penyimpangan dari landasan peraturan, budaya atau tradisi sekolah. Pembentukan jati diri dan patriotisme bagi Tingkatan Empat dikukuhkan lagi dengan kursus 'Kepimpinan' dan 'Ketatanegaraan dan Patriotisme' kendalian badan-badan yang bertauliah.

Apabila pelajar menapak ke Tingkatan Lima, segala ilmu, kemahiran dan kekuatan dalaman di sepanjang empat tahun disepadukan untuk menghadapi pancaroba dunia luar dengan memberikan mereka kursus '*Grooming*' agar mereka dapat bersedia untuk bersaing tanpa pemantauan guru lagi. Dalam tempoh lima tahun, semua pelajar KTK sepatutnya telah lengkap dengan pengisian diri sebagai pemimpin dan kini mampu bertandak di pentas global, namun masih mengekalkan identiti negara dan bangsanya.

Penerapan Budaya Tinggi

Pelajar KTK dihasratkan untuk menjadi srikandi suatu hari nanti yang akan membarisi kepimpinan negara. Oleh itu, KTK menekankan budaya kerja yang berkualiti dalam kalangan gurunya, agar ia menjadi ikutan kepada pelajar. Kepatuhan kepada peraturan diterapkan sebagai keperluan dan panduan, dan bukan sebagai hukuman. Disiplin adalah teras dalam mengendalikan pelajar, namun kreativiti amat dialu-alukan. Contohnya, disiplin dalam kesantunan berpakaian untuk aktiviti dan majlis kolej, cara makan dalam dewan makan dan peraturan semasa kokurikulum adalah konteks di mana penerapan budaya tinggi dapat dilaksanakan.

Antara rutin budaya tinggi yang diamalkan adalah pengalaman cara 'Makan Beradab' (*Fine Dining*) yang diadakan dua kali setahun, di mana pelajar diberi pengalaman mengendali cara makan di majlis-majlis rasmi, agar tidak canggung pada masa akan datang, Makan Malam Rasmi (*High Table*) pula diadakan setiap minggu, di mana beberapa wakil daripada sesebuah rumah sukan dijemput sebagai tetamu di meja utama untuk makan bersama guru. Sementara itu, bimbingan dari segi kesantunan dan kesesuaian berbusana mengikut masa dan tempat, diberikan khusus kepada semua pelajar tahun akhir dalam bentuk kursus '*Grooming*' yang dikendalikan oleh pakar. Usaha ini banyak membantu membangunkan keyakinan diri pelajar untuk bersedia menghadapi temuduga dan alam kerjaya.

AMALAN KECERMERLANGAN KOKURIKULUM

Aktiviti kokurikulum adalah darah daging remaja. '*Leaders are made in the playing fields*', maka di 'padang'lah warna dan corak pembangunan diri seseorang dapat dilihat dengan lengkap. Segala pengetahuan dan keupayaan yang ada pada diri pelajar digembleng dan terserlah apabila pelajar dapat mempraktikkan kemampuan mereka. Aktiviti kokurikulum melengkapkan pembangunan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu.

Satu Pelajar, Satu Sukan, Satu Aktiviti

Keghairahan remaja untuk menonjolkan diri dan mencari identiti adalah normal, termasuk di KTK. Justeru, pembatasan terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum yang terlalu banyak dan rencam, adalah untuk mendidik pelajar agar dapat memberi fokus kepada standard dan kualiti.

Di KTK, pelajar dibimbing untuk menggilap bakat dalam bidang kokurikulum yang mereka ceburi, ke peringkat tertinggi: sama ada peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa. Latihan ini amat penting untuk mengelak lambakan '*Jacks of all trades, but masters of none*! Oleh yang demikian, setiap pelajar di KTK menetapkan matlamat diri untuk mempunyai sekurang-kurangnya satu sijil pengiktirafan di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa sebelum tamat tempoh persekolahan mereka di KTK.

Dalam hal ini, peranan sekolah adalah untuk menyediakan pelbagai bentuk aktiviti bagi memenuhi cita rasa yang berbeza dalam kalangan pelajar, dan memastikan tidak ada pelajar yang tercicir dalam merebut peluang yang ditaburkan. Pada masa yang sama, guru menjadi dacing pengimbang dalam memastikan tiada pelajar yang terbeban dengan aktiviti kokurikulum sehingga boleh menjejaskan prestasi akademik mereka. Kesefahaman dalam konsep pengimbangan pelaksanaan kokurikulum inilah yang unik dan menjadi budaya kerja di KTK yang jarang didapati di sekolah lain.

Mencipta Nama

Hari ini pelajar KTK digalakkan mencipta nama selaras dengan keinginan remaja untuk dikenali dan diberi pengiktirafan terhadap kemampuan dan kewujudan mereka. Hal ini merupakan satu lagi anjakan paradigma budaya kerja baru, yang menuntut guru untuk mengubah cara mengurus. Guru bukan lagi penentu jenis aktiviti dan tidak mampu lagi membendung kreativiti, tetapi bertindak lebih sebagai pembimbing dan pengawal kualiti proses kerja. Pada bulan Mei baru-baru ini, tiga pelajar KTK menempa nama dalam Pertandingan '*Intel International Science And Engineering Fair*' di San Jose, California, Amerika Syarikat dengan mendapat tempat kedua bagi projek '*Oil Boom*'. Pada 12 Jun 2010 baru-baru ini 12 orang pelajar KTK juga telah mencipta nama dalam Malaysia Book of Records' dengan projek '*Basketball Dribble To The Top Of Kuala Lumpur Tower*'. Kurshiah Orchestra pula telah dijemput dan akan mewakili negara untuk membuat persembahan di '*International School of Music Educators (ISME)*' di Beijing bulan Ogos 2010 ini. Hari ini KTK telah memulakan satu era baru kepimpinannya: '*Era of the New Breed*'.

Pengantarabangsaan

Semua Sekolah Berasrama Penuh digalakkan untuk memelopori program pengantarabangsaan, sama ada dalam jalinan mahu pun jaringan dengan institusi atau sekolah di luar negara. Peluang ini amat dinanti-nantikan oleh semua pelajar, terutamanya yang lebih dewasa. Namun, di KTK, peluang ini adalah untuk semua. Aktiviti jalinan dengan sekolah dari luar negara diagihkan mengikut tingkatan agar setiap pelajar dapat merasai keistimewaan berkongsi mempersembahkan aktiviti kebudayaan negara masing-masing.

Sekolah kembar bagi Tingkatan Satu adalah National Middle Girls' School, Seoul, Korea di bawah program ASPNet. Bagi Tingkatan Dua pula, mereka ditindikkan dengan sekolah Ancren Gate South, Birkshire, United Kingdom. Tingkatan Tiga pula dirangkaikan dengan Raffle's Girls School, Singapura, dan Tingkatan Empat pula, setiap tahun akan menerima lawatan daripada sekolah Akashi Nishi dari Jepun.

Walaupun aktiviti hanya di peringkat sekolah, peluang berinteraksi dan membiasakan diri dengan budaya berlainan negara dapat dialami oleh pelajar sebanyak empat kali di sepanjang mereka bersekolah di KTK. Menerima pelawat dan tetamu, dan menjadi pelawat dan tetamu mempunyai peranan yang berlainan. Kedua-duanya memberikan peluang dan pengalaman kepada pelajar untuk memperluaskan diri untuk menjadi pemimpin serba boleh.

PENUTUP

Kolej Tunku Kurshiah hari ini sudah sampai ke peringkat di mana kecemerlangan pelaksanaan aktiviti bukan hanya untuk pertandingan, tetapi KTK sedang beranjak ke arah pembudayaan kecemerlangan dalam amalan aktiviti harian. Sekiranya budaya cemerlang itu dahulunya luar biasa, kini yang luar biasa itu sedang dibiasakan. Jika sebelum ini hanya pelajar yang lebih dewasa sahaja yang menyerlah, hari ini sesiapa sahaja mampu menonjol. Kecemerlangan bukan lagi hak individu tertentu, tetapi adalah untuk individu yang sanggup berkerja keras dan yang bijak mencari ruang dan peluang untuk mengurangkan daya saing daripada pihak lawan. KTK secara *'The Blue Ocean Strategy'* sedang membugarkan potensi puteri-puterinya agar dapat bernafas dan mekar membangunkan diri, dan seterusnya mengekalkan keunggulan institusi.

BIBLIOGRAFI

Carswell, R. 17 Secrets Of World-Class Supergoal-Achievers

Institut Aminuddin Baki. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*, 16(2).

Institut Aminuddin Baki. (2006). *Kajian Kes Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan : Kes-Kes Pengurusan Sekolah Menengah*, 8.

Institut Aminuddin Baki. (2008). *Kajian Kes Pengurusan Pendidikan : Jurnal Pendidikan PKPSM Kebangsaan*.